

# PM rayu rakyat bantu mangsa perang Teluk

UM 2 - FEB 1991

KUALA LUMPUR 1 Feb. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini merayu kepada rakyat di negara ini supaya turut menyumbangkan derma kepada mangsa - mangsa perang di Teluk.

Menurutnya, kerajaan sudah memperuntukkan wang sejumlah \$100,000 kepada Kerajaan Jordan untuk membantu mangsa - mangsa peperangan yang ramai berlindung di negara tersebut.

"Kita sudah memutuskan untuk membantu Jordan kerana ramai mangsa perang telah lari ke sana," katanya kepada para pemberita selepas melawat Taman Orkid dan Taman Burung di Taman Tasik Perdana di sini.

Beliau menambah, kerajaan memutuskan untuk membantu mana - mana mangsa perang tanpa mengira sama ada ia dari Iraq atau Arab Saudi.

"Kita akan memberi bantuan kewangan tetapi kalau perlu ubat atau makanan, kita beri juga," tambahnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menasihatkan masyarakat Malaysia supaya jangan menyebelahi mana - mana pihak berhubung dengan isu perang Teluk.

Serentak dengan itu, beliau juga menjelaskan, kerajaan tidak tunduk kepada desakan mana - mana pihak ketika meminta supaya Ketetapan 678 Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu dikaji semula.

Menurut Perdana Menteri, bukanlah menjadi hak rakyat di negara ini untuk menentukan siapakah yang betul dan siapakah yang bersalah dalam pertikaian itu.

"Saya berpendapat, kita janganlah menyebelahi mana - mana pihak dalam isu ini," katanya sebagai mengulas reaksi yang dibangkitkan oleh sebahagian rakyat yang kurang senang dengan pendirian kerajaan serta mahu menyebelahi satu pihak berhubung dengan isu itu.

"Kalau orang Islam sesama Islam berkelahi, janganlah kita masuk sebelah pihak saja tanpa memikirkan pihak yang satu itu betul atau tidak.

"Itu bukan hak kita untuk menentukan siapa betul atau tidak," tambahnya.

Beliau berkata, pertikaian seperti itu patut diselesaikan melalui perundingan secara aman.

Mengenai gesaan Malaysia supaya dikaji semula Ketetapan 678, beliau berkata kerajaan mahu peperangan

itu dihentikan segera dan rundingan diadakan semula secara aman.

Menurutnya, ketetapan itu tidak mengizinkan sesiapa memusnahkan Iraq tetapi ia juga menegaskan supaya Iraq keluar daripada Kuwait.

"Kalau kedua - dua pihak patuh kepada ketetapan itu, masalah ini saya rasa boleh diselesaikan," kata beliau.

Mengenai dakwaan kononnya tuntutan kerajaan itu kerana tunduk kepada desakan pihak - pihak tertentu, beliau berkata, perkara itu tidak timbul.

"Kita punyai pendapat sendiri kerana dulu semasa di dalam Majlis Keselamatan Bangsa - Bangsa Bersatu kita membuat keputusan supaya Iraq keluar daripada Kuwait tetapi bukan memusnahkan Iraq sama sekali," katanya.

## Cadangan

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menolak dakwaan yang menyatakan peperangan di Teluk merupakan jihad.

Beliau menjelaskan, kalau sebuah negara Islam menyerang sebuah negara lain, itu bukan jihad malah tindakan berjihad itu akan menyebabkan lebih ramai orang Islam mati.

Bagaimanapun, beliau menambah, kalau ada pihak yang rela pergi kerana percaya dengan menyebelahi satu pihak boleh selesaikan masalah, itu adalah pendapat mereka sendiri.

Beliau berkata, Malaysia akan cuba mendesak negara - negara Islam lain supaya turut menyokong cadangan mengkaji semula Ketetapan 678 itu.

Menurutnya, Pertubuhan Negara - Negara Islam (OIC) boleh mengadakan mesyuarat bagi memujuk Iraq, Kuwait dan Arab Saudi mencari penyelesaian tanpa peperangan.

Menyentuh tentang tempoh perkhidmatan Pengarah Urusan MAS, Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, katanya, adalah benar kontrak perkhidmatan beliau akan tamat pada tahun ini.

"Dulu dia (Tan Sri Aziz) minta supaya dilanjutkan selama setahun saja dan kita pun setuju," jelasnya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri tidak menyebut siapakah yang akan menggantikan tempat Tan Sri Aziz selepas tempoh itu tamat pada April depan.